

## Maklumat Geran Penyelidikan IMAM (*IMAM Research Grant*)

### Latar Belakang:

Aktiviti IMAM merangkumi pelbagai aspek kemanusiaan dan perubatan. Selaras dengan prinsip *evidence-based* yang menjadi asas amalan pengamal perubatan, pembangunan dan penyelidikan seharusnya menjadi tunjang kepada pelaksanaan aktiviti dengan kaedah yang lebih berkesan.

### Tujuan:

Geran Penyelidikan IMAM diwujudkan bertujuan untuk memahami keperluan, intervensi, pembangunan idea baharu atau usaha penambahbaikan disamping membangunkan kesarjanaan ahli IMAM dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan aktiviti IMAM.

### Objektif:

1. Mengadakan peruntukan untuk penyelidik menjalankan kajian yang berkaitan dengan aktiviti IMAM.
2. Menjadi asas aktiviti intervensi IMAM.
3. Menghasilkan penerbitan dan/atau perkongsian ilmu melalui platform *IMAM Annual Scientific Conference (ASC)* dan/atau *International Journal International Journal of Human and Health Sciences (IJHHS)*.

### Butir-butir:

<b>1.0 KELAYAKAN PEMOHON</b>	1. Penyelidik utama mestilah ahli IMAM yang berdaftar 2. Penyelidik dibenarkan mengetuai hanya SATU (1) projek penyelidikan sahaja pada sesuatu masa sehingga penyelidikan itu tamat 3. Ketua Penyelidik geran telah menerima pelanjutan geran terdahulu tidak dibenarkan untuk memohon tetapi boleh menganggotai kumpulan penyelidik.
<b>2.0 DANA PERUNTUKAN</b>	Tidak melebihi RM5,000 * Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada peruntukan setiap tahun
<b>3.0 TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN</b>	Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah selama maksimum 2 tahun (1+1) sahaja.
<b>4.0 TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN</b>	IMAM-Research akan mengumumkan pembukaan permohonan peruntukan ini secara umum pada bulan Mac setiap tahun.
<b>5.0 SKOP</b>	Skop kajian haruslah selari dengan matlamat dan objektif IMAM seperti yang tertera di dalam konstitusi.

<b>6.0 SYARAT &amp; PERATURAN PERMOHONAN</b>	1. Bilangan penyelidik (tiada sekatan bilangan penyelidik) 2. Semua permohonan perlu dibuat menggunakan Borang Permohonan Geran Penyelidikan IMAM dan dikemukakan kepada sekretariat untuk saringan sebelum atau pada tarikh tutup yang ditetapkan.	
<b>7.0 KRITERIA PENILAIAN</b>	Pemilihan pemberian Geran Penyelidikan IMAM oleh Panel Penilai adalah seperti berikut: 1. Mempunyai pengetahuan dan/atau pendedahan dalam bidang kajian yang dikemukakan. 2. Mempunyai soalan projek dan matlamat projek yang jelas. 3. Impak kajian yang jelas.	
<b>8.0 PERATURAN KEWANGAN</b> Semua urusan kewangan adalah tertakluk kepada Polisi Kewangan IMAM	Upah & Elaun untuk melantik Penolong Penyelidik (RA)	Upah dan elaun untuk membiayai seorang RA dengan mengikut Garis Panduan yang digunapakai oleh IMAM.
	Perjalanan dan Pengangkutan	Perbelanjaan perjalanan untuk menjalankan kerja lapangan.
	Sewaan	Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan
	Bekalan dan Bahan Penyelidikan	Perbelanjaan bagi pembelian bekalan/bahan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja.
	Baik pulih kecil dan Ubahsuai	<b>TIDAK DIBENARKAN</b>
	Peralatan	Pembelian peralatan yang diperlukan bagi menjalankan projek penyelidikan perlu didaftarkan sebagai hakmilik IMAM.

		Pembelian desktop, laptop dan alat peranti elektronik adalah tidak dibenarkan.
<b>9.0 LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN</b>	Laporan Kemajuan	Laporan Kemajuan perlu diemel kepada <a href="mailto:execsecppim@gmail.com">execsecppim@gmail.com</a> atau dihantar dalam tempoh 6 bulan dari tarikh mula projek, ke alamat berikut: (alamat IMAM)
	Laporan Akhir	Laporan Kemajuan perlu diemel kepada <a href="mailto:execsecppim@gmail.com">execsecppim@gmail.com</a> atau dihantar dalam tempoh 6 bulan dari tarikh mula projek, ke alamat berikut: (alamat IMAM)
<b>10.0 PELANJUTAN TEMPOH PROJEK</b>	<p>Setiap permohonan pelanjutan tempoh projek perlu dilampirkan bersama dokumen berikut:</p> <p>(1) Laporan Kemajuan yang terkini.</p> <p>(2) Maklumat aktiviti Penyelidikan bagi tujuan pelanjutan tempoh projek yang dipohon.</p> <p>(3) Maklumat status Pencapaian Milestone (gant chart) projek (berdasarkan milestone di dalam proposal asal).</p> <p>Permohonan pelanjutan tempoh projek hanya akan dipertimbangkan bagi projek yang telah mencapai 50% prestasi projek dan 70% jumlah perbelanjaan peruntukan semasa. Maksimum tempoh kelulusan hanya untuk 6 bulan sahaja dari tarikh akhir projek.</p>	
<b>11.0 HASIL PENYELIDIKAN</b>	Pemegang geran diwajibkan untuk membentangkan hasil penyelidikan di IMAM <i>Annual Scientific Conference</i> yang akan diadakan setiap tahun untuk	

	memberi peluang kepada kumpulan penyelidik yang terlibat berkongsi hasil penyelidikan di peringkat nasional.
--	--

**Implikasi**

Diharapkan, dengan pewujudan dana penyelidikan IMAM ini dapat memartabatkan IMAM sebagai sebuah persatuan yang bergerak secara sistematik berasaskan bukti (evidence based), dan menonjolkan IMAM sebagai persatuan perubatan Islam yang ulung di peringkat nasional dan antarabangsa.